

3. BAYARAN PERKHIDMATAN MENCETAK DAN PENGEPOSAN NOTIS SAMAN POLIS

Polis Diraja Malaysia Kementerian Dalam Negeri

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerajui pengurusan trafik dengan teras perkhidmatan utama, iaitu Siasatan dan Perundangan, Penguatkuasaan, Kawalan Lalu Lintas dan Pengurusan Saman.

1.2. Notis saman polis dibahagikan kepada dua jenis, iaitu saman POL.257 dan saman POL.170A. Saman POL.257 diserahkan terus kepada Orang Kena Saman (OKS) apabila kesalahan telah dikesan. Saman POL.170A pula merupakan notis pemberitahuan kesalahan lalu lintas yang dikeluarkan terhadap pesalah trafik tanpa kehadiran bersemuka pesalah berkenaan.

1.3. Sesuatu notis saman boleh disampaikan dengan menyerahkan salinan asal secara sendiri kepada pesalah trafik, menampalkan salinan notis itu di mana-mana bahagian rumah, menampalkan salinan notis itu di bahagian kenderaan yang mudah dilihat atau dengan menghantar notis itu melalui pos berdaftar. Prosedur kerja bagi pengurusan saman dinyatakan di bawah seksyen 118 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 bagi memastikan OKS menerima notis dan mengetahui kesalahan yang mereka lakukan.

1.4. Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah melantik syarikat perkhidmatan 227963-P pada 25 November 2019 bagi menguruskan perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman PDRM. Perjanjian dimeterai bagi tempoh tiga tahun mulai 1 Disember 2019 hingga 30 November 2022 dengan kontrak berjumlah RM45 juta termasuk 6% Cukai Jualan Cukai Perkhidmatan (CJCP). Harga kontrak terdiri daripada percetakan dan pengeposan notis saman postal dan notis peringatan masing-masing bernilai RM3.70 seunit dan RM1.20 seunit. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1
HARGA KONTRAK MENGIKUT PECAHAN KOS

BIL.	ITEM	KUANTITI (Unit)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM Juta)
1.	Notis Saman Postal	10,500,000	3.70	38.85
2.	Notis Peringatan	3,000,000	1.20	3.60
3.	Cukai Jualan Cukai Perkhidmatan (6%)	-	-	2.55
JUMLAH				45.00

Sumber: Bahagian Kewangan, Jabatan Logistik dan Teknologi, PDRM

1.5. Cawangan Pengurusan Saman PDRM bertanggungjawab untuk menyelaras pengurusan saman dengan merangka aliran proses penyampaian notis saman postal manakala Bahagian Kewangan, Jabatan Logistik dan Teknologi (JLOG), PDRM bertanggungjawab bagi semua urusan pembayaran kontrak perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada bayaran perkhidmatan mencetak dan mengepos notis saman polis dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta perjanjian yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di JSPT dan Bahagian Kewangan, JLOG, Ibu Pejabat PDRM meliputi pematuhan terhadap pelaksanaan dan pembayaran bagi perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman polis bagi tempoh bulan Disember 2019 hingga Januari 2022. Semakan juga dilaksanakan di JSPT Pulau Pinang dan syarikat perkhidmatan 227963-P.

3.2. Pengauditan ini meliputi tiga arahan pembayaran di JLOG yang melibatkan perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman postal berjumlah RM17.76 juta bagi tahun 2020 dan 2021. Sampel ini dipilih kerana ia merangkumi 88.1% daripada jumlah keseluruhan bayaran bagi perkhidmatan mencetak dan mengepos notis saman berjumlah RM20.16 juta bagi tahun 2020 dan 2021.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis data, rekod, dokumen perjanjian dan dokumen berkaitan bayaran kepada syarikat perkhidmatan 227963-P. Lawatan fizikal serta temu bual juga dibuat dengan pegawai PDRM dan syarikat perkhidmatan 227963-P yang terlibat.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 24 Mei hingga 22 Julai 2022. Maklum balas daripada PDRM diterima pada 15 Ogos dan 7 November 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 25 Ogos 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.3.

4.1. Pembayaran Tidak Mengikut Ketetapan Kontrak Berjumlah RM17.76 Juta

4.1.1. Arahan Perbendaharaan 102(a) menyatakan tandatangan seseorang Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberi kuasa adalah untuk memperakui tentang betulnya setiap butir dalam baucar. Pegawai yang memperakui bertanggungjawab bahawa perkhidmatan atau bekalan telah diterima dengan sempurna; kebenaran telah didapati sebagaimana yang dinyatakan; serta penghitungan dan pengiraan adalah betul.

4.1.2. Berdasarkan Subfasal 1.1 perjanjian, Notis PDRM ialah notis saman postal dan/atau notis peringatan yang dicetak dan dipos mengikut kuantiti, harga dan spesifikasi/skop kerja yang ditetapkan. Seterusnya, Subfasal 5.1 menetapkan Kerajaan hendaklah membuat pembayaran kepada kontraktor mengikut kuantiti notis saman PDRM yang diterima berdasarkan harga yang dinyatakan dalam perjanjian. Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap yang berikut diterima oleh Bahagian Kewangan PDRM.

- a. invoice;
- b. nota penghantaran;
- c. salinan penyata bank kontraktor; dan
- d. sijil pengesahan dan penerimaan Notis PDRM.

4.1.3. Subfasal 11.1 dan 11.4 perjanjian menyatakan semua pesanan mengenai perkhidmatan yang dikehendaki di bawah perjanjian ini hendaklah dikeluarkan secara bertulis oleh pegawai Kerajaan menggunakan Borang Pesanan Rasmi Kerajaan. Untuk maksud itu, hendaklah ditafsirkan sebagai telah disampaikan kepada kontraktor dengan diserahkan atau diposkan kepadanya ke alamat yang diberikan. Perenggan 4, Jadual 3 perjanjian juga menetapkan syarikat hendaklah menyediakan Secure Leased Line yang diintegrasikan dengan Sistem Trafik COPS PDRM bagi tujuan perpindahan data saman ke syarikat. Subperenggan 6.2, Jadual 3 perjanjian pula menetapkan saman postal yang diterima hendaklah disampaikan oleh syarikat kepada pengalamat dalam tempoh 14 hari bekerja.

4.1.4. Semakan Audit mendapati **syarikat perkhidmatan 227963-P telah mengeluarkan Pesanan Penghantaran** (nota penghantaran) bagi mengesahkan perkhidmatan telah disempurnakan dan penghantaran tersebut disahkan oleh JSPT, PDRM **walaupun perkhidmatan sebenar hanya dilaksanakan selepas 19 hingga 382 hari daripada tarikh pembayaran.** Semakan lanjut Audit mendapati **bayaran perkhidmatan mencetak dan pengeposan 4.8 juta notis saman postal PDRM**

berjumlah RM17.76 juta telah dijelaskan sebelum perkhidmatan dilaksanakan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 3.2**.

JADUAL 3.2
BAYARAN TERHADAP PERKHIDMATAN YANG TIDAK DISEMPURNAKAN


BIL.	TARIKH			NO. ARAHAN PEMBAYARAN/ TARIKH	KUANTITI (Unit)	AMAUN (RM Juta)	TARIKH PENGEPOSAN SEBENAR*		
	PESANAN KERAJAAN	PESANAN PENGHANTARAN	INVOIS				MULA	AKHIR	BIL. HARI
1.	18.02.2020	26.02.2020	26.02.2020	12003520 28.02.2020	1,200,000	4.44	18.03.2020	08.12.2020	19 - 284
2.	01.10.2020	05.10.2020	06.10.2020	12038903 07.10.2020	1,600,000	5.92	04.01.2021	12.08.2021	89 - 309
3.	27.04.2021	28.04.2021	04.05.2021	12019078 10.05.2021	2,000,000	7.40	25.08.2021	27.05.2022	107 - 382
JUMLAH					4,800,000	17.76			

Sumber: Bahagian Kewangan, JLOG, PDRM

Nota: *Ringkasan Laporan Produksi Notis Saman PDRM, Syarikat Perkhidmatan 227963-P

4.1.5. Semakan Audit seterusnya mendapati pembayaran telah dijelaskan mengikut unjuran yang disediakan oleh syarikat perkhidmatan 227963-P sebelum perkhidmatan disempurnakan iaitu notis saman dicetak dan dipos kepada penerima saman. Proses kerja perkhidmatan mencetak dan mengepos notis saman serta pembayaran kepada syarikat perkhidmatan 227963-P berdasarkan perjanjian berbanding proses sebenar yang dilaksanakan adalah seperti dalam **Rajah 3.1**.

RAJAH 3.1
PROSES KERJA PENGELUARAN DAN PEMBAYARAN NOTIS SAMAN



Sumber: Perjanjian Perkhidmatan Mencetak dan Pengeposan Notis Saman PDRM

4.1.6. Semakan silang Audit terhadap arahan pembayaran dan Ringkasan Laporan Produksi Notis Saman PDRM yang disediakan oleh syarikat perkhidmatan 227963-P bagi bulan Januari 2022, pihak **syarikat perkhidmatan 227963-P masih belum mencetak dan mengepos baki notis saman postal berjumlah 212,705 unit dengan nilai RM0.79 juta berbanding 4.8 juta notis saman yang telah dibuat pembayaran oleh PDRM.** Butiran adalah seperti dalam **Jadual 3.3.**

JADUAL 3.3
NOTIS SAMAN POSTAL YANG MASIH BELUM DICETAK DAN DIPOS

BIL.	NO. ARAHAN PEMBAYARAN	TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN (RM Juta)	KUANTITI (Unit)	KUANTITI YANG DICETAK OLEH SYARIKAT* (Unit)	PERBEZAAN (Unit)
1.	12003520	28.02.2020	4.44	1,200,000	1,200,000	-
2.	12038903	07.10.2020	5.92	1,600,000	1,600,000	-
3.	12019078	10.05.2021	7.40	2,000,000	1,787,295	212,705
JUMLAH				4,800,000	4,587,295	212,705

Sumber: Bahagian Kewangan, JLOG, PDRM

Nota: *Ringkasan Laporan Produksi Notis Saman PDRM, Syarikat Perkhidmatan 227963-P

4.1.7. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan pemantauan PDRM dalam memastikan Laporan Doket Pengeposan diterima sebelum pembayaran dibuat. Laporan Doket Pengeposan tidak diserahkan kepada pihak PDRM sebagai bukti penghantaran notis untuk pengeposan. PDRM juga telah membuat perakuan sijil pengesahan dan penerimaan tanpa bukti perkhidmatan telah dilaksanakan.

Maklum balas PDRM yang diterima pada 15 Ogos dan 7 November 2022

PDRM sedang menjalankan siasatan dalaman terhadap pegawai yang bertanggungjawab mengesahkan kerja-kerja perkhidmatan selesai dilaksanakan dengan tidak mengikut ketetapan kontrak. Siasatan dilaksanakan oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi mengenal pasti ketidakpatuhan serta mengambil tindakan tatatertib atau surcaj sekiranya berlaku penyelewengan atau salah guna kuasa.

Semua obligasi terhadap arahan pembayaran 12003520, 12038903 dan 12019078 telah dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat perkhidmatan 227963-P.

Pernyataan Audit | **Pengesahan dibuat sebelum perkhidmatan dilaksanakan berjumlah RM17.76 juta merupakan pembayaran yang tidak mengikut ketetapan kontrak.**

4.2. Denda Notis PDRM Lewat Digos Berjumlah RM1.82 Juta Tidak Dikenakan

4.2.1. Subfasal 13.1 perjanjian menyatakan setelah siap mencetak dan menyampul Notis PDRM mengikut pesanan yang dibuat oleh Kerajaan, kontraktor hendaklah mengedpos Notis PDRM tersebut dalam masa 14 hari dari tarikh pesanan rasmi Kerajaan dibuat (Masa Perkhidmatan) dan menepati spesifikasi serta skop kerja di Jadual 3 perjanjian.

4.2.2. Berdasarkan Subfasal 1.1 perjanjian, Masa Perkhidmatan merujuk kepada masa Notis PDRM digos oleh kontraktor setelah siap dicetak, iaitu 14 hari daripada tarikh pesanan rasmi Kerajaan dikeluarkan atau yang diarahkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

4.2.3. Merujuk kepada Fasal 15 berkenaan hak Kerajaan apabila Notis PDRM lewat digos, Kerajaan adalah berhak menerima Notis PDRM tersebut dan menuntut daripada kontraktor pampasan.

4.2.4. Analisis Audit terhadap Laporan Harian Produksi Notis Saman Trafik PDRM yang disediakan oleh syarikat perkhidmatan 227963-P bagi bulan Disember 2019 hingga Disember 2021 mendapati **kelewatan pengeposan notis saman yang dikenal pasti adalah antara 1 hingga 34 hari**. Kelewatan tersebut dikira daripada tarikh data saman diperolehi oleh syarikat perkhidmatan untuk digos sehingga tarikh notis saman digos kepada OKS.

4.2.5. Berdasarkan pengiraan Audit, **sejumlah RM1.82 juta denda boleh dikenakan terhadap notis yang lewat digoskan oleh pihak syarikat perkhidmatan 227963-P**. Perincian pengiraan denda adalah seperti dalam **Jadual 3.4**.

JADUAL 3.4
PENGIRAAN DENDA BAGI NOTIS
LEWAT POS BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	TAHUN	NILAI PESANAN (RM) (a)	TEMPOH KELEWATAN (Hari) (b)	JUMLAH DENDA* (RM)
1.	2019	4,440,000	1 - 3	14,800
2.	2020	5,920,000	1 - 34	500,240
3.	2021	7,400,000	1 - 26	1,303,386
JUMLAH				1,818,426

Sumber: Laporan Harian Produksi Notis Saman Trafik PDRM, Syarikat Perkhidmatan 227963-P

Nota: *Kiraan Denda = $\frac{(a) \times 1\% \times (b)}{30 \text{ hari}}$

4.2.6. Syarikat perkhidmatan 227963-P juga tidak mengemukakan Laporan Docket Pengeposan kepada pihak PDRM sebagai bukti penghantaran untuk pengeposan. Tiada bukti menunjukkan tindakan pemantauan telah diambil oleh PDRM bagi memastikan sama ada tempoh pengeposan mematuhi ketetapan kontrak atau denda perlu dikenakan.

4.2.7. Setakat bulan Januari 2022, tiada notis tuntutan dikeluarkan oleh PDRM kepada syarikat perkhidmatan 227963-P. Semakan Audit juga mendapati tindakan pengenaan denda terhadap kelewatan pengeposan notis saman tidak pernah dikuatkuasakan sejak perjanjian ditandatangani pada tahun 2019. Denda berjumlah RM1.82 juta yang tidak dikenakan merupakan kerugian kepada Kerajaan.

Maklum balas PDRM yang diterima pada 7 November 2022

JSPT telah mengemukakan surat bertarikh 10 Ogos 2022 kepada JLOG untuk tindakan lanjut. Seterusnya, JLOG telah mengemukakan surat bertarikh 24 Ogos 2022 kepada KDN bagi melaksanakan denda lewat kepada syarikat perkhidmatan 227963-P.

Pernyataan Audit | **Tiada pemantauan oleh PDRM terhadap tempoh penyempurnaan perkhidmatan menyebabkan klausa denda tidak dikuatkuasakan. Denda berjumlah RM1.82 juta yang tidak dikenakan merupakan kerugian kepada Kerajaan.**

4.3. Pemberian Subkontrak Berjumlah RM32.58 Juta Tanpa Kelulusan

4.3.1. Subfasal 21.1 kepada Perjanjian Perkhidmatan Mencetak dan Pengeposan Notis Saman Polis Diraja Malaysia menyatakan kontraktor tidak boleh membuat atau memberikan kontrak kecil terhadap perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya kepada mana-mana pihak lain melainkan terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Kerajaan.

4.3.2. Surat Setuju Terima (SST) Perenggan 8(f) menyatakan Kerajaan berhak untuk membatalkan SST sekiranya syarikat telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya pembekalan barang tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu.

4.3.3. Semakan Audit mendapati **syarikat perkhidmatan 227963-P telah melantik subkontraktor, iaitu syarikat 988952-X** untuk Membekal, Memantau dan Menguruskan Tender Perkhidmatan Mencetak dan Pengeposan Notis Saman PDRM **dengan harga kontrak berjumlah RM32.58 juta pada**

3 Disember 2019. Pelantikan tersebut dibuat **lima hari selepas SST ditandatangani balas** oleh syarikat perkhidmatan 227963-P. Berdasarkan pengesahan daripada Bahagian Perolehan KDN, **tiada kelulusan bertulis dikeluarkan oleh KDN** untuk **pemberian subkontrak** bagi perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman PDRM tersebut. Butiran lanjut subkontraktor adalah seperti dalam **Jadual 3.5**.

**JADUAL 3.5
PELANTIKAN SUBKONTRAKTOR
OLEH SYARIKAT PERKHIDMATAN 227963-P**

NAMA SYARIKAT	HARGA PERJANJIAN (RM Juta)	TARIKH SURAT TAWARAN	TEMPOH PERJANJIAN
988952-X	32.58	03.12.2019	01.12.2019 hingga 30.11.2022 (36 Bulan)

Sumber: Dokumen Perjanjian daripada Syarikat Perkhidmatan 227963-P

4.3.4. Perkara ini disebabkan kurangnya pemantauan daripada pihak KDN dan PDRM terhadap pelaksanaan kontrak.

Maklum balas PDRM yang diterima pada 7 November 2022

Sepanjang kontrak diwujudkan, PDRM tidak menerima sebarang permohonan persetujuan bertulis daripada pihak syarikat perkhidmatan 227963-P berkenaan pelantikan subkontraktor.

Pernyataan Audit | **Pelantikan subkontraktor tanpa kelulusan KDN merupakan pelanggaran kepada kontrak sejumlah RM32.58 juta.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit terdapat kelemahan dalam pembayaran perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman polis. PDRM telah membuat pembayaran sebelum perkhidmatan dilaksanakan yang melibatkan pembayaran berjumlah RM17.76 juta dan denda notis lewat dipos berjumlah RM1.82 juta tidak dikenakan. Selain itu, syarikat perkhidmatan 227963-P telah melantik subkontraktor tanpa kelulusan dengan nilai kontrak berjumlah RM32.58 juta.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dan syarat dalam klausa perjanjian perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman, PDRM disyorkan melaksanakan penambahbaikan dan mengambil tindakan berikut:

- 6.1. memastikan pembayaran dibuat mengikut ketetapan perjanjian dan berdasarkan jumlah sebenar bilangan notis saman yang dicetak dan dipos oleh syarikat perkhidmatan;
- 6.2. memastikan pemantauan terhadap tempoh penyempurnaan perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman dibuat dengan lebih berkesan dengan mengambil tindakan segera terhadap sebarang kelewatan yang berlaku; dan
- 6.3. menguatkuasakan klausa perjanjian sedia ada dan menambah baik terma perjanjian untuk menjamin kepentingan Kerajaan.